

Elak guna telefon bimbit sedang dicas ketika petir

Plag masih aktif undang risiko kena renjatan elektrik


Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Orang ramai dinasihat tidak menggunakan telefon bimbit yang sedang dicas dengan wayar pengecas bersambung pada plag ketika berlaku ribut petir kerana berisiko disambar kilat.

Pensyarah Fizik Pusat Asasi Sains Pertanian (PASP) di Universiti Putra Malaysia (UPM), Nor Azah Abdul Aziz, berkata kejadian itu boleh berlaku apabila petir menyambar kawasan berhampiran kabel pendawaian elektrik atau telefon.

Katanya, ia sekali gus boleh mengakibatkan kabel terbakar atau meletup, seterusnya memberi kesan aliran cas berlebihan kepada rumah berhampiran.

Cabut segera plag telefon bimbit sedang dicas ketika petir.
(Foto hiasan)



“Jika ada plag yang masih aktif, ketika inilah alat terbakar. Jika ada yang sedang menggunakan alat berkenaan seperti telefon bimbit sedang dicas, telefon kabel dan alatan elektrik lain, ketika ini renjatan elektrik boleh berlaku.

“Mungkin keadaan ini boleh mengakibatkan kematian ber-

punca daripada kabel elektrik atau telefon yang terbakar.

“Justeru, orang ramai diingatkan tidak menggunakan alatan elektrik dan telefon bimbit sedang dicas ketika petir, cabut plag alat elektrik dengan segera jika ada tanda petir berlaku,” katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, seorang kanak-ka-

nak perempuan berusia 12 tahun maut dipercayai terkena renjatan elektrik ketika menggunakan telefon bimbit di rumahnya di Kampung Baru Sungai Raya Luar, Lojing, Gua Musang.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo, dilaporkan berkata ketika kejadian jam 4.50 petang itu, kawasan berkenaan sedang berlaku ribut petir.

Sambar objek tinggi

Nor Azah berkata, pada dasarnya telefon bimbit mempunyai kuasa rendah dan selamat digunakan, bahkan risiko untuk menjadi objek sasaran panahan petir adalah rendah.

Katanya, kebiasaannya, petir menyambar objek yang tinggi seperti pokok dan tidak menolak terdapat risiko seseorang dipanah petir ketika berada di kawasan terbuka.

“Kebanyakan kemalangan atau kematian yang berlaku disebabkan oleh petir itu sendiri. Contohnya, berada di bawah pokok yang disambar petir.

“Jika tiada objek lebih tinggi seperti di kawasan terbuka, petir akan menyambar objek yang

“Jika ada plag yang masih aktif, ketika inilah alat terbakar. Jika ada yang sedang menggunakan alat berkenaan seperti telefon bimbit sedang dicas, telefon kabel dan alatan elektrik lain, ketika ini renjatan elektrik boleh berlaku”

Nor Azah Abdul Aziz,
Pensyarah Fizik
PASP di UPM



lebih tinggi daripada tanah.

“Jadi, risiko dipanah petir amat besar jika seseorang melalui kawasan terbuka. Mungkin secara kebetulan berlaku panahan petir pada seseorang yang sedang menggunakan telefon bimbit yang melalui kawasan terbuka dan mengakibatkan kematian,” katanya.

Beliau berkata, orang ramai dinasihatkan segera mencari kawasan perlindungan yang tertutup seperti dalam bangunan dan kereta ketika berlaku petir.

“Elak berlindung di bawah pokok serta kawasan berhampiran aliran cas seperti tiang elektrik dan telefon,” katanya.